

K E B E R K A T A N      K E M A K M U R A N      K E B A J I K A N

# LAPORAN EKONOMI

2016 / 2017  
t a h u n

NEGERI  
KELANTAN  
DARULNAIM



Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Kelantan  
Blok 1, Aras 1, Kompleks Kota Darulnaim  
Kota Bharu, Kelantan





**LAPORAN EKONOMI NEGERI KELANTAN DARUL  
NAIM TAHUN 2016/2016**

Cetakan Kedua: **MEI 2019**

Hak Cipta Terpelihara.



**UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI KELANTAN**  
Blok 1, Aras 1, Kompleks Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu Kelantan

Hubungi Kami di:



+609- 744 3333



+609- 744 3411



upen@kelantan.gov.my

Rekabentuk oleh:



**ATAP STUDIO**  
Lot 2416, Kg Panchor,  
Jalan Raja Perempuan Zainab II,  
16100 Kota Bharu  
Kelantan.



+6019-450 1676



ryhan.mdn@gmail.com

KEBERKATAN KEMAKMURAN KEBAJIKAN

# LAPORAN EKONOMI

NEGERI  
KELANTAN  
DARULNAIM

2016/2017

Hakcipta @ 2019 UPEN NEGERI KELANTAN

# Kandungan

BAB  
**00**



**Perutusan  
(Ms. I)**

BAB  
**01**



**Prestasi Ekonomi  
Malaysia 2016 / 2017  
Dan Perkembangan  
Nasional  
(Ms. 01)**

- Prestasi Ekonomi Malaysia 2016/2017
- Prestasi Ekonomi Malaysia Mengikut Sektor 2016/ 2017
- Perkembangan Nasional

BAB  
**03**



**Prestasi Dan Prospek  
Mengikut Sektor  
(Ms. 25)**

- Sektor Pertanian
- Sektor Perlombongan
- Sektor Pembinaan
- Sektor Perkhidmatan

**BAB**  
**02**



**Prestasi Ekonomi  
Negeri Kelantan  
2016/2017 Dan Prestasi  
Keluaran Dalam Negara  
Kasar 2016  
(Ms. 11)**

- Prestasi Ekonomi Negeri Kelantan 2016
- Sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar 2016
- Pendapatan Isi Rumah
- Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan,
- Purata Dan Kadar Pertumbuhan Tahunan
- Mengikut Jajahan
- Insiden Kemiskinan

**BAB**  
**04**



**Pelaburan Dan Tenaga  
Buruh  
(Ms. 63)**

- Prestasi Pelaburan Negeri 2016
- Prospek Pelaburan Negeri 2017
- Pasaran Buruh Dan Guna Tenaga

**BAB**  
**05**

**Rujukan  
(Ms. 69)**





# PERUTUSAN DAR YANG AMAT BERHORMAT USTAZ DATO' MENTERI BESAR KELANTAN

*Assalamualaikum WRT*

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T di atas anugerah rahmat dan nikmat-Nya kepada kita sekalian. Dalam suasana yang aman dan harmoni, kita diberi taufiq dan hidayah untuk terus berkhidmat kepada negeri dan rakyat di bumi Kelantan ini dengan terus menjulang dasar Membangun Bersama Islam.

Kerajaan Membangun Bersama Islam yang telah diterokai oleh Matan Menteri Besar, Almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat pada hari ini telah menyaksikan bahawa kegigihan beliau selama 23 tahun telah berjaya membawa negeri ini membangun mengikut acuan Islam. Asas yang unggul peninggalan beliau ini menjadi rujukan keramat kepada kita selaku generasi penyambung untuk membawa negeri warisan ini melangkah ke hadapan, mencari Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan.

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izinNya, buku 'Laporan Ekonomi Negeri Kelantan Darul Naim 2016/2017' dapat diterbitkan dengan jayanya. Sukacita saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan atas inisiatif yang diambil dalam menerbitkan buku ini. Laporan ini bolehlah dijadikan sebagai sumber rujukan prestasi ekonomi bagi tahun 2016/2017 dan prospek untuk tahun 2018.

Dengan berpandukan 'Kemakmuran, Keberkatan dan Kebajikan', negeri ini akan terus berdaya saing dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang jitu bagi memacu ekonomi negeri dan mendapat keredaan Allah S.W.T.

Saya berharap dengan penerbitan buku laporan ini akan dapat memberi maklumat, input penting dan perspektif yang berguna kepada semua pihak dalam melaksanakan strategi dan merangka agenda pembangunan negeri mengikut sektor masing-masing dengan memfokuskan kepada aktiviti yang boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri ini.

Saya berdoa semoga dengan usaha yang bersungguh-sungguh serta iltizam yang tinggi dapat ditunjukkan oleh semua pihak dapat dimanfaatkan dalam membolehkan penjanaan sumber ekonomi yang ada di negeri ini dapat digunakan secara bijaksana, maka Negeri Kelantan akan dapat meningkatkan prestasi ekonomi negeri di samping mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi yang positif dan memberangsangkan seperti yang ditunjukkan pada tahun sebelum ini.

“ Dengan berpandukan ‘Kemakmuran, Keberkatan dan Kebajikan’, negeri ini akan terus berdaya saing dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang jitu bagi memacu ekonomi negeri dan mendapat keredhaan Allah S.W.T. ”



USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB, S.J.M.K., D.J.M.K. (Kelantan)  
Dato' Bentara Kanan  
Menteri Besar Kelantan



# KATA ALUAN YANG BERHORMAT DATO' SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

*Assalamualaikum WRT*

Alhamdulillah, marilah bersama-sama kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan izinNya buku Laporan Ekonomi Negeri Kelantan Darul Naim 2016/2017 dapat diterbitkan dengan jayanya.

Laporan ini disediakan adalah bertujuan untuk melaporkan mengenai fakta statistik pelbagai bidang yang boleh dimanfaatkan dan dijadikan rujukan oleh semua pihak dalam merancang dan merangka pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan. Peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Kelantan dari kadar 3.5 peratus kepada 4.8 peratus pada tahun 2016 menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan telah berkembang dengan positif berbanding dengan negeri-negeri lain. Oleh itu negeri Kelantan sentiasa bersedia menempuh cabaran untuk turut serta dalam arus pembangunan seiring dengan negeri-negeri lain yang pesat membangun.

Sasaran untuk menjadikan negeri Kelantan sebagai negeri maju menjelang tahun 2025 sebagaimana yang telah digariskan di bawah Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan 2025 akan dapat dicapai sekiranya kerjasama dan usaha setiap lapisan masyarakat di negeri ini sentiasa diutamakan.

Akhirnya, saya ucapan syabas dan tahniah kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan di atas segala usaha dalam menyediakan dan menerbitkan buku laporan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan, pihak swasta dan semua pihak terlibat yang memberi kerjasama dan komitmen dalam menyalurkan maklumat-maklumat penting bagi penyediaan buku laporan Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan 2025 ini.

“  
**Negeri  
Kelantan  
sentiasa  
bersedia  
menempuh  
cabaran untuk  
turut serta  
dalam arus  
pembangunan  
seiring dengan  
negeri-negeri  
lain yang pesat  
membangun.**  
”

**DATO' HJ NAZRAN BIN MUHAMMAD, S.P.S.K (Kelantan)**  
**Dato' Kaya Setia**  
**Setiausaha Kerajaan Kelantan**



# PRAKATA DARI TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)/ PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI KELANTAN

“  
**Laporan ini mengandungi data dan statistik penting berkaitan sektor-sektor ekonomi utama negeri Kelantan.**  
”

*Assalamualaikum WRT*

Laporan Ekonomi Negeri Kelantan Darul Naim 2015/2016 merupakan dokumen rasmi Kerajaan Negeri yang bertujuan untuk memberikan informasi tentang keadaan ekonomi terutamanya negeri Kelantan. Laporan ini mengandungi data dan statistik penting berkaitan sektor-sektor ekonomi utama negeri Kelantan.


Dalam laporan Ekonomi Kelantan Darul Naim 2016/2017 ini, akan memaparkan informasi-informasi penting daripada sektor perkhidmatan, pertanian, pembuatan, pembinaan dan perlombongan serta maklumat dari segi penduduk, guna tenaga dan sebagainya. Laporan ini disediakan bagi membantu jabatan-jabatan, pihak swasta mahupun individu mendapatkan informasi yang tepat dan terkini dalam merancang dan melaksana pembangunan, pentadbiran dan keputusan bagi organisasi masing-masing.

Berteraskan konsep pembangunan Kerajaan Negeri “Kemakmuran, Keberkatan dan Kebajikan”, pembangunan ekonomi negeri Kelantan pada tahun 2018 dan seterusnya diharapkan akan terus menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) seiring dengan projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ke-Selelas (RMK-11).

Akhir kata, saya berharap agar Laporan Ekonomi Negeri Kelantan Darul Naim 2016/2017 dapat digunakan sebaiknya oleh semua pihak terutamanya jabatan dan agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi pihak-pihak swasta, pelabur-pelabur dalam dan luar negara serta masyarakat keseluruhannya dan akan menjadi rujukan yang bernali bagi pentadbiran untuk masa akan datang.

**DATO' DR. TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN BIN TENGKU FEISSAL, D.J.M.K (Kelantan)**  
Tengku Kaya Perkasa  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)/  
Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan

# Prestasi Ekonomi Malaysia Dan Perkembangan Nasional






# Prestasi Ekonomi Malaysia 2016 / 17 + Perkembangan Nasional



Pertumbuhan ekonomi Malaysia 2016 telah mengalami sedikit penurunan kepada 4.2 peratus berbanding 5.0 peratus pada tahun 2015. Ini adalah kerana prestasi ekonomi dunia mencatat pertumbuhan paling rendah sejak krisis kewangan. Di Amerika Syarikat, penggunaan sektor swasta yang sederhana telah mengakibatkan pertumbuhan KDNK negara tersebut juga lebih rendah berbanding tahun 2015.

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan positif di dalam persekitaran ekonomi yang bergolak kerana berhadapan dengan rintangan yang berpunca daripada kos sara hidup yang lebih tinggi dan kenaikan harga barang dan pengguna yang sederhana di tahun 2016. Keupayaan masyarakat dalam membuat penyesuaian perbelanjaan kerana peningkatan kos sara hidup yang semakin meningkat, khususnya di kalangan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Pada masa yang sama, faktor prestasi kewangan yang semakin lemah dan prestasi ringgit yang tidak menentu serta lemah secara berpanjangan walaupun permintaan dunia yang perlahan dan harga komoditi yang rendah sepanjang tahun 2016, prestasi eksport dan aktiviti pelaburan negara masih lagi berbentuk sederhana.


Carta 1: Prestasi Pertumbuhan Ekonomi Malaysia dari Tahun 2012 – 2016



Sektor perkhidmatan telah menyumbang sebanyak 54 peratus dari keseluruhan KDNK negara dengan kadar pertumbuhan sebanyak 0.05 peratus berbanding tahun 2014. Pertumbuhan yang lembap dan harga komoditi yang terus jatuh, eksport kasar negara mencatat pertumbuhan 1.1% pada tahun 2016 (2015:1.6%) merupakan pertumbuhan paling rendah sejak tahun 2012. Malaysia menunjukkan peningkatan dalam eksport ke rantau ASEAN (29.4%) meningkat 5.4% di mana sebahagian besar hasil ini akibat keaktifan eksport Elektrik dan Elektronik (E&E) dan produk petroleum. Struktur perdagangan Malaysia yang pelbagai telah banyak membantu ekonomi dalam meringankan beban kesan daripada kemerosotan ekonomi negara.

**Pertumbuhan yang mapan dalam sektor perkhidmatan telah banyak membantu dalam peningkatan KDNK negara.**

Rajah 1: Sumbangan Sektor Ekonomi Kepada KDNK Malaysia Bagi Tahun 2016



# Prestasi Ekonomi Malaysia Mengikut Sektor 2016/17


## Sektor Perkhidmatan

Sumbangan sektor perkhidmatan kepada KDNK negara semakin meningkat selaras dengan kematangan ekonomi negara, seperti mana yang berlaku kepada negara-negara maju yang lain. Selaras dengan matlamat Malaysia ke arah sebuah negara maju, penekanan yang lebih tinggi hendaklah tertumpu kepada pembangunan sektor perkhidmatan sebagai jentera pertumbuhan kepada melestarikan ekonomi negara.

Prestasi ekonomi negara dipelopori oleh sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit penurunan dalam sektor pertanian dan pertumbuhan sederhana dalam sektor perlombongan dan pengkuarian telah memperlakukan prestasi keseluruhan ekonomi. Bagi kebanyakan negeri, aktiviti borong dan runcit merupakan pemacu utama kepada peningkatan sektor Perkhidmatan kecuali bagi Terengganu, Perak, Perlis dan WP Labuan yang diterajui oleh utiliti dan aktiviti kewangan.



**Sumbangan Sektor Perkhidmatan Mengikut Subsektor 2017**



Rajah 2: Peratus Sumbangan Sektor Perkhidmatan 2017


## Sektor Pembuatan

Sektor pembuatan di Malaysia mencatat peningkatan sebanyak 10.5 bilion pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015 sebanyak 244.2 bilion. Peningkatan ini diterajui oleh pengeluaran produk elektrik dan elektronik global yang dan disokong oleh permintaan yang tinggi oleh produk berasaskan sumber. Negeri Selangor menjadi penyumbang utama kepada sektor pembuatan dengan mencatat sumbangan sebanyak 28.9 peratus diikuti oleh Pulau Pinang dan Johor.

Walau bagaimanapun, sektor kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan di Malaysia mengalami kemerosotan sebanyak 3.6 peratus berikutan daripada penurunan pengeluaran kenderaan bermotor di Selangor, Perak dan Kedah.



Peratus sumbangan Sektor Pembuatan mengikut Subsektor 2017



Rajah 3: Peratus Sumbangan Sektor Pembuatan 2017

# Prestasi Ekonomi Malaysia Mengikut Sektor 2016/17

---


## Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan telah meningkat kepada 29.6 peratus pada tahun 2016 berbanding 21.1 peratus pada tahun 2015. Penyumbang utama kepada kenaikan ini adalah disokong oleh prestasi kukuh di subsektor bangunan bukan kediaman, kejuruteraan awam dan bangunan kediaman. Projek pembangunan bangunan perniagaan di bawah subsektor bangunan bukan kediaman merangsangkan lagi pertumbuhan ekonomi.

Subsektor kejuruteraan awam masih mendominasi dengan mencatatkan 35 peratus daripada keseluruhan sumbangan yang dihasilkan dalam sektor pembinaan pada tahun 2017. Subsektor bangunan bukan kediaman juga telah menunjukkan peningkatan kepada 31 peratus berbanding dengan kadar 26 peratus bagi tahun 2014/2015.



**Sumbangan Sektor Pembinaan Mengikut Subsektor 2017**



Rajah 4: Peratus Sumbangan Sektor Pembinaan 2017

## Sektor Pertanian


Sektor pertanian merupakan salah satu sektor ekonomi primer terpenting yang mendapat tumpuan dalam perdagangan dunia kerana sektor ini merupakan pembekal makanan dan sumber bahan mentah kepada penduduk di Malaysia. Pertanian merupakan sektor yang penting dalam menyumbang kepada pendapatan negara. Penekanan terhadap sektor pertanian membolehkan negara mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan dari luar negara.

Sektor pertanian di Malaysia didominasi oleh pengeluaran subsektor kelapa sawit yang menyumbang sebanyak 46 peratus dari keseluruhan pengeluaran dalam sektor pertanian, di ikuti oleh subsektor pertanian lain (seperti sayur-sayuran dan buah-buahan) yang menyumbang sebanyak 19 peratus. Subsektor ternakan dan perikanan tidak kurang penting dalam memberikan sumbangan kepada sektor pertanian dengan masing-masing memberikan sumbangan sebanyak 11 peratus.

## Sektor Perlombongan dan Pengkuarian

Sektor perlombongan dan pengkuarian merupakan sektor yang menjadi penyumbang ketiga terbesar di Malaysia. Namun begitu, pada tahun 2016, sektor ini mengalami penyusutan sumbangan daripada 14 peratus kepada 10.5 peratus. Penyusutan ini disebabkan oleh penurunan harga minyak dan gas pada tahun tersebut yang memberi kesan kepada sumbangan bagi sektor ini.

Rajah 6 menunjukkan peratus sumbangan sektor perlombongan & pengkuarian mengikut subsektor di Malaysia bagi tahun 2016. Perlombongan lain dan perkhidmatan sokongan merupakan subsektor yang mencatatkan peratusan yang tertinggi iaitu 85 peratus. Manakala, peratusan yang paling rendah ialah Gas Asli iaitu sebanyak 1.0 peratus



Rajah 5: Peratus Sumbangan Sektor Pertanian 2017




Rajah 6: Peratus Sumbangan Sektor Perlombongan dan Pengkuarian 2016

# Perkembangan Nasional

Secara umumnya, ekonomi Malaysia pada tahun 2016 berhadapan dengan cabaran dari dalam negara dan luar negara. Kos sara hidup yang meningkat dan keupayaan isi rumah dalam membuat penyesuaian secara berterusan terhadap kos sara hidup terutama kepada mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Sektor yang banyak menyumbang kepada KDNK negara ialah sektor perkhidmatan yang menyumbang sebanyak 54.3 peratus kepada perkembangan ekonomi nasional di ikuti oleh sektor pembuatan (23 peratus) dan Sektor Pembinaan (8.8 peratus).


Carta 2 : Sumbangan Peratusan Aktiviti Ekonomi Mengikut Negeri 2016



“ Lapan buah negeri telah melebihi paras pertumbuhan nasional iaitu (4.2 peratus) pada tahun 2016 iaitu WP Labuan yang mencatatkan pertumbuhan 7.2 peratus diikuti oleh WP Kuala Lumpur (5.9%), Johor (5.7%), Pulau Pinang (5.6%), Selangor (4.8%), **Kelantan (4.8%)**, Sabah (4.7%) dan Melaka (4.5%). ”


Sektor perkhidmatan dipacu oleh perdagangan borong & runcit dan maklumat & komunikasi merupakan sumbangan utama kepada prestasi ekonomi bagi Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kadar 25.2 peratus dan 24.8 peratus seperti yang dipaparkan dalam Rajah 7 di bawah. Aktiviti borong dan runcit merupakan penyumbang yang signifikan kepada sektor perkhidmatan kecuali bagi Terengganu, Perak, Perlis dan WP Labuan yang diterajui oleh utiliti dan aktiviti kewangan

Rajah 7: Sumbangan Peratusan Sektor Perkhidmatan di Malaysia, 2016




Produk elektrik dan elektronik menjadi penyumbang utama kepada peratusan sumbangan sektor pembuatan yang diterajui oleh negeri Selangor (28.9 peratus), Pulau Pinang (12.9 peratus) dan Johor (12.6 peratus). Produk Petroleum Bertapis dan Bahan Kimia & Produk Kimia juga mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan di Sarawak, Terengganu dan Pahang. Namun begitu, berlaku sedikit kemerosotan dalam produk kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan di Malaysia sebanyak 3.6 peratus berikutan daripada penurunan pengeluaran kenderaan bermotor di Selangor, Perak dan Kedah.

Rajah 8: Sumbangan Peratusan Sektor Pembuatan di Malaysia, 2016




Sektor Pertanian diterajui oleh Sarawak (16.8 peratus), Sabah (15.8 peratus), Johor (15.7 peratus), Pahang (12.3 peratus) dan Perak (10.9 peratus). Subsektor kelapa sawit merupakan pemangkin kepada pertumbuhan sektor pertanian di peringkat nasional. Negeri berkenaan menyumbang sebanyak 71.2 peratus kepada hasil pertanian negara dalam subsektor kelapa sawit. Berlaku sedikit kemerosotan dalam sektor pertanian disebabkan oleh kesan fenomena El Nino ke atas subsektor kelapa sawit di negeri-negeri tersebut.

Rajah 9: Sumbangan Peratusan Sektor Pertanian di Malaysia, 2016



WP Kuala Lumpur dan Selangor merupakan dua buah negeri yang merupakan penyumbang terbesar dalam sektor pembinaan iaitu sebanyak 54.5 peratus dari keseluruhan sumbangan negara. Keaktifan aktiviti pembinaan ini disokong oleh prestasi subsektor kediaman dan bukan kediaman dalam pelaksanaan pelbagai projek antaranya pembinaan rumah teres, rumah berkembar, pembinaan sekolah dan pembinaan rumah kos rendah.

Rajah 10: Sumbangan Peratusan Sektor Pembinaan di Malaysia, 2016




Prestasi ekonomi Negeri Kelantan pada tahun 2016 berkembang dengan baik berbanding dengan prestasi ekonomi pada tahun 2015. **Dengan pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.8 peratus pada tahun 2016 telah membolehkan Negeri Kelantan menjadi antara lapan (8) buah negeri yang mencatatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) melebihi kadar nasional iaitu pada kadar 4.2 peratus.** WP Labuan menunjukkan pertumbuhan ekonomi tertinggi iaitu 7.2 peratus manakala Pahang mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang paling rendah iaitu 2.0 peratus bagi tahun 2016.

## Prestasi Ekonomi Negeri Kelantan 2016



Anjakan pertumbuhan ekonomi negeri banyak didominasi oleh sektor perkhidmatan dan sektor pertanian sehingga membolehkan KDNK negeri Kelantan berkembang dari kadar 3.5 peratus pada tahun 2015 kepada 4.8 peratus pada tahun 2016. Berdasarkan Carta 3 di bawah, menunjukkan kadar pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan yang telah berkembang dengan positif berbanding dengan negeri-negeri lain yang banyak mengalami penurunan berbanding tahun sebelumnya.

Carta 3 : Peratus Pertumbuhan KDNK Malaysia dan Negeri Pada Tahun 2015/2016



Berdasarkan Rajah 11 di bawah, jumlah keseluruhan KDNK Malaysia mengikut negeri telah meningkat sebanyak RM44,871 berbanding tahun sebelumnya menjadikan jumlah keseluruhan kepada RM 1,108,226. Negeri Selangor mencatatkan peningkatan tertinggi iaitu RM11,551 juta manakala Perlis mencatatkan peningkatan terendah pada kadar RM191 juta. Pada tahun 2016, Selangor mencatatkan KDNK yang tertinggi iaitu RM251,599 juta, diikuti dengan WP Kuala Lumpur (RM169,971 juta), Sarawak (RM108,778 juta), Johor (RM104,480 juta) dan seterusnya. KDNK bagi negeri Kelantan pada tahun 2016 ialah sebanyak RM20,664 juta dan masih berada di tahap terendah jika dibandingkan dengan peningkatan negeri-negeri lain.

Rajah 11 : KDNK Mengikut Negeri Tahun 2015/2016



Rajah 12: KDNK Per Kapita Mengikut Negeri Tahun 2015/2016




Keluaran Dalam Negeri Kasar Per Kapita bagi Malaysia juga turut meningkat sebanyak RM1,764 dari tahun 2015 hingga 2016. Peningkatan KDNK Per Kapita bagi Malaysia pada tahun 2015 adalah pada RM37,123 dan telah meningkat kepada RM38,887 pada tahun 2016. Enam buah negeri berjaya melepas purata KDNK Malaysia iaitu Melaka, Pulau Pinang, Selangor, Sarawak, WP Kuala Lumpur dan WP Labuan. WP Kuala Lumpur mempunyai nilai KDNK Per Kapita tertinggi iaitu RM101,420 manakala Kelantan mencatakan nilai terendah iaitu RM12,812.

# Sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2016


Pada tahun 2016, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Kelantan telah menyumbang sebanyak 20.7 Bilion kepada Kadar Pengeluaran Dalam Negara Kasar Malaysia yang berjumlah RM1.108 trilion pada tahun yang sama berdasarkan harga malar tahun 2010. Prestasi pertumbuhan KDNK dari tahun 2012-2016 adalah seperti Carta 4.

Sektor perkhidmatan sekali lagi menjadi penyumbang utama kepada KDNK negeri iaitu sebanyak RM13.730 Bilion (66.4 peratus), diikuti oleh sektor pertanian sebanyak RM5.085 Bilion (24.6 peratus), sektor pembuatan sebanyak RM1,111 Bilion (5.4 peratus), sektor pembinaan RM0.466 Bilion (2.3 peratus) dan sektor perlombongan dan pengkuarian sebanyak RM0.249 Bilion (1.2 peratus). Peratusan sumbangan KDNK mengikut sektor adalah seperti Carta 5.

Carta 4 : Jumlah Keluaran/ Pertumbuhan KDNK Negeri Kelantan Pada Tahun 2012 / 2016 (Bilion RM)



Carta 5: Peratus Pertumbuhan Mengikut Sektor, 2012-2016



# Pendapatan Isi Rumah

Terdapat empat jenis punca pendapatan yang boleh diterima (terakru) oleh isi rumah iaitu pendapatan daripada pindahan semasa diterima, pekerjaan bergaji, bekerja sendiri dan pendapatan daripada harta & pelaburan. Isi rumah boleh mempunyai lebih daripada seorang penerima pendapatan dan pendapatan yang diterima boleh diperolehi daripada pelbagai punca. Di Malaysia, lebih daripada 56.0 peratus daripada isi rumah mempunyai lebih daripada seorang penerima pendapatan berbanding 56.7 peratus pada tahun 2014.

Punca pendapatan isi rumah terbesar dan mempunyai peratusan yang tertinggi pada tahun 2016 adalah daripada pekerjaan bergaji iaitu 52.9 peratus, diikuti oleh bekerja sendiri 20.3 peratus, pindahan semasa diterima 18.0 peratus dan harta & pelaburan 8.9 peratus. Peratusan punca pendapatan isi rumah bagi pekerjaan bergaji dan bekerja sendiri telah menurun dari tahun 2014 hingga 2016. Pendapatan daripada pindahan semasa diterima menunjukkan peningkatan manakala harta & pelaburan tidak mempunyai perubahan dari tahun 2014 hingga 2016.

## Harta dan Pelaburan

(Sewaan daripada harta, royalti, faedah simpanan & pinjaman yang diberi dan dividen daripada saham)

## Pindahan Semasa di Terima

Pindahan Semasa di Terima  
(Pemikiran dari isi rumah lain, pencen dan pembayaran berkala lain)

Rajah 13 : Punca Pendapatan Yang Diterima Oleh Isi Rumah

**Punca pendapatan isi rumah terbesar dan mempunyai peratusan yang tertinggi pada tahun 2016 adalah daripada pekerjaan bergaji iaitu 52.9 peratus**

Peningkatan bilangan penduduk yang bekerja dapat dilihat dalam semua sektor kecuali sektor pembinaan yang mengalami sedikit penurunan dari segi jumlah penduduk negeri Kelantan yang melibatkan diri dalam sektor ini iaitu kepada 58,000 orang berbanding 62,000 orang pada tahun 2014 . Penduduk negeri Kelantan banyak melibatkan diri dalam sektor perkhidmatan iaitu sebanyak 261,200 orang yang telah menceburii bidang ini pada tahun 2016.



Pekerjaan Bergaji  
**2014: 52.9 %**  
**2016: 55.9**

Bekerja Sendiri  
**2014: 20.3 %**  
**2016: 21.1%**

Harta & Pelaburan  
**2014: 8.9%**  
**2016: 8.9%**

Pindaan Semasa Diterima  
**2014: 18 %**  
**2016: 14%**

Rajah 14 : Punca Pendapatan Isi Rumah, Kelantan, 2014 Dan 2016

**Pekerjaan Bergaji**  
(Gaji yang di bayar majikan, bonus dan elaun, makanan percuma atau konsesi dan terimaan lain daripada majikan)

**Bekerja Sendiri**  
(Aktiviti pertanian dan bukan pertanian)



Berdasarkan sumber penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia mendapati bahawa jumlah bilangan penduduk bekerja mengikut sektor dan negeri di pantai timur adalah seperti Rajah 15 di bawah. Sektor perkhidmatan menjadi pilihan utama penduduk negeri Kelantan untuk diceburi dengan penglibatan penduduk seramai 261,200 orang diikuti oleh sektor pembinaan seramai 58,800 orang dan sektor pembuatan seramai 32,000 orang. Peningkatan bilangan penduduk yang bekerja dapat dilihat dalam semua sektor kecuali sektor pembinaan yang mengalami sedikit penurunan dari segi jumlah penduduk negeri Kelantan yang melibatkan diri dalam sektor ini iaitu kepada 58,000 orang berbanding 62,000 orang pada tahun 2014.

Penduduk negeri Kelantan banyak melibatkan diri dalam sektor perkhidmatan iaitu sebanyak 261,200 orang yang telah menceburi bidang ini pada tahun 2016.


Rajah 15 : Bilangan Penduduk Bekerja Mengikut Sektor Di Pantai Timur.

				
<b>Pertanian</b> Bilangan ('000)	<b>Perlombongan &amp; Pengakuaran</b> Bilangan ('000)	<b>Pembuatan</b> Bilangan ('000)	<b>Pembinaan</b> Bilangan ('000)	<b>Perkhidmatan</b> Bilangan ('000)
<b>Kelantan</b> 2014: 13.1 2016: 14.2	<b>Kelantan</b> 2014: 1.1 2016: 2.0	<b>Kelantan</b> 2014: 27.5 2016: 32.0	<b>Kelantan</b> 2014: 62.0 2016: 58.8	<b>Kelantan</b> 2014: 244.4 2016: 261.2
<b>Terengganu</b> 2014: 12.8 2016: 12.5	<b>Terengganu</b> 2014: 9.5 2016: 9.9	<b>Terengganu</b> 2014: 34.9 2016: 29.7	<b>Terengganu</b> 2014: 46.2 2016: 44.3	<b>Terengganu</b> 2014: 187.3 2016: 199.8
<b>Pahang</b> 2014: 70.2 2016: 58.2	<b>Pahang</b> 2014: 4.8 2016: 3.6	<b>Pahang</b> 2014: 57.3 2016: 49.7	<b>Pahang</b> 2014: 35.6 2016: 29.1	<b>Pahang</b> 2014: 299.3 2016: 318.7

# Pendapatan Isi Rumah Kasar Mengikut Jajahan

Pendapatan isi rumah kasar bulanan, purata mengikut jajahan pentadbiran di Kelantan bagi tahun 2014 dan 2016 adalah berdasarkan Rajah 16 di bawah, seluruh jajahan di Kelantan menunjukkan peningkatan antara tahun 2014 dan 2016. Purata bulanan pendapatan isi rumah yang paling tinggi bagi tahun 2014 dan 2016 adalah 4,353 dan 4,923 bagi jajahan Kota Bharu. Manakala purata bulanan pendapatan isi rumah yang paling rendah adalah dari jajahan Jeli dengan jumlah purata sebanyak 2,814 bagi tahun 2014 dan 3,290 bagi tahun 2016.

Peningkatan purata pendapatan bulanan yang paling ketara ialah jajahan Bachok iaitu sebanyak 732 (17.9 peratus) diikuti dengan jajahan Pasir Mas iaitu 575 (15.2 peratus) dan jajahan Kota Bharu iaitu 570 (11.6 peratus). Manakala, peningkatan purata yang paling rendah ialah jajahan Machang dengan jumlah sebanyak 206 (5.1 peratus).




Rajah 16: Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata Mengikut Jajahan Pentadbiran Di Kelantan, 2014 Dan 2016

# Insiden Kemiskinan

Berdasarkan Carta 6 di bawah, pada tahun 2016 negeri Kelantan berada di tempat ketiga di Malaysia dalam insiden kemiskinan. Insiden kemiskinan bagi negeri Kelantan antara tahun 2014 dan 2016 telah menurun sebanyak 0.5 peratus iaitu dari 0.9 peratus kepada 0.4 peratus. Pada tahun 2014, insiden kemiskinan di negeri Kelantan lebih tinggi dari nilai yang dicatatkan bagi Negara Malaysia. Manakala pada tahun 2016, insiden kemiskinan di Kelantan telah mencapai kadar yang sama dengan insiden kemiskinan di Malaysia iaitu sebanyak 0.4 peratus. Penurunan insiden kemiskinan ini akibatnya dari kesan perkembangan ekonomi semasa dalam negeri.

Carta 6: Insiden Kemiskinan Pada Tahun 2014 Dan 2016




Carta 7 di bawah menunjukkan kadar kemiskinan di Kelantan pada tahun 2009 hingga 2016. Dalam tempoh berkenaan berlaku penurunan dari 4.8 peratus pada tahun 2009 hingga 0.4 peratus pada tahun 2016. Kadar kemiskinan di Kelantan pada tahun 2009 hingga 2014 adalah lebih tinggi dari kadar kemiskinan di peringkat Malaysia.

Pada tahun 2016, Kelantan telah mencapai kadar yang sama dengan kadar kemiskinan Malaysia iaitu 0.4 peratus.




Carta 7 : Kadar Kemiskinan Tahun 2009 – 2016 (%)



Berdasarkan rekod Sistem Aplikasi e-Tegar Negeri Kelantan, jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) yang direkodkan adalah berjumlah 2,734 KIR pada tahun 2016. Berdasarkan Rajah 17 di bawah, penduduk yang berada di dalam kategori miskin tegar yang tertinggi merupakan penduduk di Jajahan Tumpat iaitu sebanyak 843 KIR (30.9 peratus), diikuti dengan Jajahan Bachok iaitu sebanyak 552 KIR (20.2 peratus), Jajahan Pasir Mas seramai 254 KIR (9.3 peratus), Jajahan Tanah Merah seramai 245 KIR (8.9 peratus) dan jajahan-jajahan lain.

Data yang diperolehi ini menunjukkan jajahan-jajahan yang berada di sempadan antarabangsa dan pesisir pantai lebih cenderung untuk tergolong di dalam kategori miskin tegar. Ini menunjukkan faktor sosial, jenis pekerjaan dan kerakyatan banyak mempengaruhi perkembangan ekonomi penduduk setempat.

Rajah 17 : Insiden Kemiskinan Tegar mengikut jajahan Tahun 2016



Petunjuk:



Mewakili 50 Bilangan Ketua Isi Rumah (KIR)



# A SEKTOR PERTANIAN

Sektor Pertanian adalah salah sektor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan. Sektor ini yang merangkumi subsektor pertanian, penternakan, perikanan serta perladangan telah menyumbang sebanyak RM 5.1 Bilion pada tahun 2016, menjadikan sektor ini penyumbang kedua terbanyak kepada pertumbuhan ekonomi negeri ini. Sumbangan sektor ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 2.9% berbanding tahun 2015. Sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan meningkat daripada RM 4,941 Juta pada tahun 2015 kepada RM 5,085 Juta pada tahun 2016.

Berdasarkan bancian sehingga tahun 2016, jumlah warga tani yang berdaftar di negeri Kelantan adalah seramai 144,890 orang dengan keluasan tanah yang diusahakan dengan sektor pertanian seluas 335,660 hektar.



Kerajaan Negeri Kelantan masih meneruskan usaha untuk memperkasakan konsep “Bertani Satu Ibadah” dengan meneruskan usaha untuk mempromosikan pertanian dan penternakan

Kerajaan Negeri Kelantan masih meneruskan usaha untuk memperkasakan konsep “Bertani Satu Ibadah” dengan meneruskan usaha untuk mempromosikan pertanian dan penternakan yang diusahakan secara organik, mesra alam sekitar dan tidak menggunakan bahan yang boleh memberikan kesan negatif kepada alam sekitar dan masyarakat setempat bagi menjamin kelestarian alam sekitar terus terjaga di samping pembangunan yang dijalankan.

Usaha ini diperkasakan lagi dengan usaha Kerajaan Negeri untuk meneruskan program Karnival “Bertani Satu Ibadah” di semua jajahan sebagai acara tahunan bagi kalendar program Kerajaan Negeri dan juga program “Dapur Hijau” sebagai usaha untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat untuk memupuk minat kepada pertanian sara diri dan dapat mengurangkan kos perbelanjaan harian setiap keluarga yang terlibat dengan program ini.

Fokus utama Kerajaan Negeri Kelantan bagi sektor pertanian bagi masa hadapan adalah untuk memperkasakan sektor penternakan di negeri ini. Harapan ini disokong dengan pengenalan Pelan Pembangunan Sistem Pengeluaran Lembu Pedaging Hibrid jenama NAIMbif sebagai hasil daging menggunakan jenama Kelantan. Pelan ini telah disempurnakan pelancarannya oleh Yang Maha Mulia Pemangku Raja Kelantan pada 30 Oktober 2017 semasa Majlis Perasmian Hari Peladang, Penternak & Nelayan dan Ekspo Hijau Negeri Kelantan di Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, Kelantan.

Secara ringkas, pelan pembangunan ini merupakan perancangan jangka panjang dalam usaha untuk menjenamakan sistem pengeluaran baka lembu baka kacukan beridentitikan masyarakat penternak negeri Kelantan yang boleh dikomersialkan dengan ciri-ciri yang boleh memberi nilai tambah kepada hasil produk yang dikeluarkan. Pelan ini adalah seliaan penuh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan.

Kerajaan Negeri Kelantan akan meneruskan program tahunan seperti Hari Peladang, Penternak & Nelayan, Karnival Bio-Kelantan dan Ekspo Tani Kelantan untuk meneruskan usaha untuk mempromosikan pertanian dan teknologi hijau di negeri ini untuk melahirkan masyarakat petani, penternak dan nelayan yang berilmu dan mampu untuk bersaing di peringkat yang lebih tinggi dan memastikan pengeluaran hasil yang optimum dan lumayan.

“

**Perkembangan teknologi dan sektor bioteknologi juga menjadi penyumbang utama kepada kejayaan sektor pertanian di negeri ini.**

”


# Subsektor Pertanian

Subsektor pertanian merangkumi tiga subsektor kecil yang utama iaitu subsektor tanaman padi, tanaman sayur-sayuran dan tanaman buah-buahan. Bagi tahun 2016, sebanyak RM 7.4 Juta peruntukan telah disalurkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk sektor pertanian di negeri ini, manakala pada tahun 2017 sebanyak RM 7.0 Juta disalurkan ke sektor berkenaan.

Negeri Kelantan adalah negeri pengeluar kedua terbanyak selepas Kedah untuk hasil padi di Malaysia bagi hasil 2016/2017. Kelantan mencapai kadar tahap sara diri yang tinggi di dalam pengeluaran tanaman padi. Rajah 18 menunjukkan purata hasil pengeluaran tanaman padi mengikut kawalan agensi negeri, di mana KADA adalah agensi pelopor utama dalam pengeluaran padi di negeri Kelantan bagi tahun 2016. Jumlah pengeluaran hasil padi bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM 405 Juta. Data bagi tahun 2017 dijangka meningkat di mana terdapat banyak langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi.



Rajah 18: Purata Hasil Pengeluaran Padi Mengikut Kawalan Agensi Negeri Tahun 2016/2017



## KADA

**248,172 Mt** (Hasil Pengeluaran)  
**RM 297,806,400** (Nilai Pengeluaran)

## IADA

**27,456 Mt** (Hasil Pengeluaran)  
**RM 41,184,000** (Nilai Pengeluaran)

## JPS

**3566.5 Mt** (Hasil Pengeluaran)  
**RM 15,249,120** (Nilai Pengeluaran)

## JPS


**43,183.16 Mt** (Hasil Pengeluaran)  
**RM 51,745,382** (Nilai Pengeluaran)

## JUMLAH KESELURUHAN

**322,377.66 Mt** (Hasil Pengeluaran)  
**RM 405,948,902** (Nilai Pengeluaran)

Sehingga tahun 2016, keluasan berhasil bagi tanaman sayur-sayuran adalah seluas 1,781.72 hektar dan buah-buahan seluas 9,119.60 hektar. Bagi pengeluaran hasil industri buah-buahan, nilai pengeluaran pada tahun 2016 adalah sebanyak RM215,944,259.30 dengan hasil pengeluaran 111,035.08 metrik tan. Purata hasil pengeluaran buah-buahan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 12.19 metrik tan per hektar. Antara tanaman utama yang menyumbang nilai pengeluaran tertinggi adalah buah durian dengan nilai pengeluaran sebanyak RM 113,086,485.00.

Rajah 19 : Pengeluaran Hasil Buah-buahan Negeri Kelantan 2016



Manakala bagi tanaman sayur-sayuran pula, nilai pengeluaran tahun 2016 adalah berjumlah RM80,208,561.95 dengan pengeluaran sebanyak 45,125.32 metrik tan. Purata pengeluaran metrik tan per hektar yang dicatatkan bagi tahun tersebut adalah 25.33 metrik tan per hektar. Luas berhasil bagi keseluruhan tanaman sayur-sayuran adalah 1,781.72 hektar dengan tanaman tomato mencatatkan nilai pengeluaran tertinggi dengan nilai sebanyak RM 37,746,699.80.

Rajah 20 : Pengeluaran Sayur-sayuran Negeri Kelantan 2016





# Subsektor Penternakan

Selain daripada subsektor pertanian yang menjadi penyumbang utama, penyumbang utama yang seterusnya adalah subsektor penternakan. Agensi kerajaan yang bertanggungjawab secara langsung untuk memantau dan mengawal selia bagi penternakan adalah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan.

Berdasarkan rekod, diunjurkan sebanyak 1,422,385 ternakan berbanding 60,057 penternak dihasilkan pada tahun pada tahun 2016 dengan lembu pedaging dan ayam mengatasi lain-lain ternakan di Kelantan. Manakala, pada tahun 2017 bilangan ternakan berkurang kepada 1,365,488 dan bilangan penternak berkurang kepada 56,574.

Kerajaan Negeri Kelantan dalam usaha untuk terus memantapkan lagi sektor penternakan di negeri ini, dengan memberi tumpuan kepada pembangunan sistem penternakan lembu pedaging hibrid sebagai agenda utama.



Rajah 21 : Bilangan Ternakan dan Penternak Tahun 2016 dan 2017

## #1 PUYUH

**2017:**  
3,760 ekor  
115 (Penternak)

**2016:**  
3,917 ekor  
122 (Penternak)

## #8 LEMBU PEDAGING

**2017:**  
78,589 ekor  
14,953 (Penternak)

**2016:**  
81,864 ekor  
15,873 (Penternak)

## #2 ITIK

**2017:**  
57,412 ekor  
2,351 (Penternak)

**2016:**  
59,804 ekor  
2,495 (Penternak)

## #5 ARNAB

**2017:**  
979 ekor  
177 (Penternak)

**2016:**  
1,020 ekor  
188 (Penternak)

## #9 KUDA

**2017:**  
641 ekor  
211 (Penternak)

**2016:**  
668 ekor  
224 (Penternak)

## #11 LEMBU TENUSU

**2017:**  
460 ekor  
28 (Penternak)

**2016:**  
479 ekor  
30 (Penternak)

## #3 AYAM

**2017:**  
1,152,343 ekor  
27,491 (Penternak)

**2016:**  
1,200,357 ekor  
29,184 (Penternak)

## #6 KAMBING

**2017:**  
36,464 ekor  
5,794 (Penternak)

**2016:**  
37,983 ekor  
6,151 (Penternak)

## #10 BEBIRI

**2017:**  
29,181 ekor  
4,480 (Penternak)

**2016:**  
30,397 ekor  
4,756 (Penternak)

## #12 KHINZIR

**2017:**  
578 ekor  
72 (Penternak)

**2016:**  
602 ekor  
76 (Penternak)

## #4 RUSA

**2017:**  
460 ekor  
19 (Penternak)

**2016:**  
479 ekor  
20 (Penternak)

## #7 KERBAU

**2017:**  
4,621 ekor  
883 (Penternak)

**2016:**  
4,814 ekor  
937 (Penternak)

## JUMLAH

**2017:**  
1,365,488 ekor  
56, 574 (Penternak)

**2016:**  
1,422,384 ekor  
60, 057 (Penternak)



# Subsektor Perikanan

Subsektor perikanan juga merupakan salah satu penyumbang utama kepada pertumbuhan sektor pertanian di negeri Kelantan. Subsektor ini terbahagi kepada dua jenis, iaitu perikanan laut dan perikanan darat. Keluasan kawasan perairan laut negeri Kelantan adalah 1287.31 kilometer persegi ( $\text{km}^2$ ) dan perairan darat seluas 13816.61 kilometer persegi ( $\text{km}^2$ ).

Bagi tahun 2017, terdapat peningkatan nilai pengeluaran walaupun terdapat pengurangan dalam jumlah bilangan nelayan dan jumlah pengeluaran hasil tangkapan. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan harga ikan di pasaran tempatan dan pasaran luar negara. Bagi tahun 2016, terdapat seramai 1,886 orang nelayan laut dan seramai 267 orang penternak ikan air tawar, manakala bagi tahun 2017 pula terdapat 1,695 orang nelayan laut dan 301 penternak ikan air tawar di seluruh negeri Kelantan.

Bagi tempoh tahun 2016-2017, subsektor perikanan dianggarkan menyumbang sebanyak RM1.7 bilion kepada KDNK negeri.





## 1 PERIKANAN LAUT

**2016**

**1,886** (Pengusaha)

**218,758.2 Mt** (Hasil Pengeluaran)

**RM 852,412,212** (Nilai Pengeluaran)

**2017**

**1,695** (Pengusaha)

**196,131.8 Mt** (Hasil Pengeluaran)

**RM 909,964,057** (Nilai Pengeluaran)

### JUMLAH

**3,581** (Pengusaha)

**414,889.94 Mt** (Hasil Pengeluaran)

**RM 1,762,376,270** (Nilai Pengeluaran)

## 2 PERIKANAN DARAT

**2016**

**267** (Pengusaha)

**229.92 Mt** (Hasil Pengeluaran)

**RM 437,861** (Nilai Pengeluaran)

**2017**

**301** (Pengusaha)

**166.77 Mt** (Hasil Pengeluaran)

**RM 2,707,459** (Nilai Pengeluaran)

### JUMLAH

**568** (Pengusaha)

**396.69 Mt** (Hasil Pengeluaran)

**RM 3,145,320** (Nilai Pengeluaran)

Rajah 22 : Subsektor Perikanan

# Subsektor Perladangan

Subsektor perladangan di negeri Kelantan tidak begitu meluas seperti negeri-negeri lain di Malaysia. Kebanyakan ladang-ladang di negeri ini diuruskan oleh badan-badan di bawah Kerajaan Negeri seperti Perbadanan Ladang Rakyat Negeri Kelantan, Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan. Tanaman kelapa sawit merupakan tanaman ladang utama di negeri ini selain getah dan tanaman komoditi yang lain. Sektor perladangan di negeri ini juga dipacu oleh syarikat persendirian yang mengusahakan ladang-ladang di seluruh negeri Kelantan dan mampu mengeluarkan hasil yang dianggarkan sebanyak 24 Mt per hektar ladang. Berikut adalah laporan hasil ladang yang diuruskan oleh Perbadanan Ladang Rakyat Negeri Kelantan dan PMBK Sawit Sdn Bhd (anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan). Berikut adalah jumlah hasil pengeluaran sektor perladangan yang diuruskan oleh anak syarikat kerajaan negeri. Produk utama adalah hasil kelapa sawit dan getah.



## 1 Agensi: PMBK Sawit Sdn Bhd 2016

**15,538.66 Mt** (Hasil Pengeluaran)  
**RM 8,933,128** (Nilai Pengeluaran)

**2017**

**12,004.98 Mt** (Hasil Pengeluaran)  
**RM 7,278,803** (Nilai Pengeluaran)

## 2 Agensi: Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan 2016

**96,097 Mt** (Hasil Pengeluaran)  
**RM 53,904,993** (Nilai Pengeluaran)

**2017**

**106,366 Mt** (Hasil Pengeluaran)  
**RM 65,563,122** (Nilai Pengeluaran)

## 3 Agensi: Perbadanan Kemajuan Iktisad Kelantan 2016

**1,389,990 Mt** (Hasil Pengeluaran)  
**RM 7,320,461** (Nilai Pengeluaran)

**2017**

**157.64 Mt** (Hasil Pengeluaran)  
**RM 892,907** (Nilai Pengeluaran)




## Agenzi: Perbadanan Kemajuan Iktisad Kelantan 2016

**1,249.58 Mt** (Hasil Pengeluaran)  
**RM 706,907** (Nilai Pengeluaran)

**2017**

**157.64 Mt** (Hasil Pengeluaran)  
**RM 892,907** (Nilai Pengeluaran)

Rajah 23: Jumlah Hasil Pengeluaran Perladangan oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan



# B

## SEKTOR PERLOMBONGAN



## **1** Jenis Perlombongan: Manganese **2016**

**432,738.71 Mt** (Pengeluaran)  
**RM 3,442,671** (Royalti)

## **2017**

**799,075 Mt** (Pengeluaran)  
**RM 6,356,881** (Royalti)

## **2** Jenis Perlombongan: Feldspar **2016**

**276,482.67 Mt** (Pengeluaran)  
**RM 829,448** (Royalti)

## **2017**

**241,793.83 Mt** (Pengeluaran)  
**RM 725,380** (Royalti)

## **3** Jenis Perlombongan: Emas **2016**

**2,404,018.98 gram** (Pengeluaran)  
**RM 22,110,638** (Royalti)

## **2017**

**1,338,102.67 gram** (Pengeluaran)  
**RM 6,905,614** (Royalti)

## **4** Jenis Perlombongan: Bijih Besi **2016**

**44,306.3 Mt** (Pengeluaran)  
**RM 443,063** (Royalti)

## **2017**

**42,249.25 Mt** (Pengeluaran)  
**RM 481,648** (Royalti)

## **5** Jenis Perlombongan: Zink **2016**

- **Mt** (Pengeluaran)  
**RM -** (Royalti)

## **2017**

**318,819.48 Mt** (Pengeluaran)  
**RM 14,165** (Royalti)

## **6** Jenis Perlombongan: Perak **2016**

**730,312.63 Mt** (Pengeluaran)  
**RM 113,812** (Royalti)

## **2017**

**346,701.52 Mt** (Pengeluaran)  
**RM 50,781.27** (Royalti)

## **JUMLAH 2016**

**3,887,859.29 Mt** (Pengeluaran)  
**RM 26,939,634.24** (Royalti)


## **JUMLAH 2017**

**3,086,741.75 Mt** (Pengeluaran)  
**RM 14,534,470.23** (Royalti)

Sumbangan dan aktiviti sektor perlombongan dan kuari di negeri Kelantan adalah lebih kecil berbanding sektor-sektor lain. Bagi tahun 2016, sektor ini menyumbang sebanyak RM249 Juta kepada KDNK negeri Kelantan dan merupakan sektor penyumbang terkecil.

Secara keseluruhannya, pengeluaran hasil daripada sektor perlombongan utama di negeri Kelantan adalah manganese, feldspar, emas, bijih besi, zink dan perak. Pada tahun 2016, kutipan royalti oleh Kerajaan Negeri Kelantan adalah sebanyak RM26,939,634.24 manakala pada tahun 2017 adalah sebanyak RM14,534,470.2. Untuk kutipan hasil royalti emas bagi tahun 2016 yang berjumlah RM22,110,638.66, sejumblah RM 18 Juta adalah kutipan tunggakan berskala besar untuk pengeluaran dari tahun 2014-2016.

Faktor ini menjelaskan kepada penurunan hasil kutipan royalti emas bagi tahun 2017. Hasil kutipan royalti bagi manganese adalah meningkat disebabkan permintaan yang tinggi, manakala bagi jenis perlombongan lain, hasil kutipan royalti bagi tahun 2017 adalah berkurangan berbanding tahun 2016. Hasil pengeluaran adalah bergantung kepada permintaan pasaran semasa dan juga stok mineral yang masih wujud di negeri ini.



Rajah 24: Pengeluaran dan Royalti Sektor Perlombongan dan Kuari Negeri Kelantan 2016 dan 2017

## **PROJEK INFRASTRUKTUR –JALAN DAN JAMBATAN**

Kerajaan Negeri Kelantan melalui Jabatan Kerja Raya Negeri dan Pejabat Pembangunan Negeri sentiasa berusaha meningkatkan kualiti infrastruktur awam seperti jalan raya dan jambatan demi keselesaan dan keselamatan pengguna termasuk menambah baik aspek kualiti penyelenggaraan, jangka hayat dan pengurusan aset jalan dan jambatan yang efektif. Kemudahan ini sekali gus dapat menampung kapasiti kenderaan yang semakin bertambah dan diharapkan, ia dapat memberi manfaat dan keselesaan kepada pengguna jalan raya di negeri ini.

Kemajuan ekonomi rakyat di negeri Kelantan dapat dipertingkatkan dengan memperkuuh hubungan fizikal dan ekonomi kawasan bandar dan luar bandar supaya rakyat di negeri ini akan menjadi sihat, berpendidikan, selamat, mudah bergerak dan berhubung tanpa mengira lokasi. Selain daripada itu, pembangunan infrastruktur awam oleh Kerajaan Persekutuan juga dapat meningkatkan kualiti hidup dan penggerak kepada pertumbuhan ekonomi rakyat di negeri Kelantan.





# **C**

## **SEKTOR PEMBINAAN**

Jadual 1 : Projek-projek Jalan Dan Jambatan Negeri Kelantan Tahun 2016-2017

PROJEK JALAN & JAMBATAN		KOS PROJEK	STATUS PROJEK
<b>PROJEK PERSEKUTUAN</b>			
1	CENTRAL SPINE ROAD - Membina Jalan Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan Pakej 1B : Pasir Hor Ke Kadok, Kota Bharu	RM 217,491,647	Pembinaan 95.0%
2	Projek Membina Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan Pakej 2A: Kadok ke Ketereh	RM 136,612,922	Pembinaan 60.0%
3	Membina Lebuhraya Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan Pakej 2B:Ketereh Ke Kok Lanas	RM 200,029,701	Pembinaan 2.9%
4	Projek Membina Jambatan Merentasi Sg. Kemasin di Kg. Pengkalan Ali, Bachok, Kelantan	RM8,976,909	Pembinaan 32.0%
5	Menggantikan Jambatan FT008/340/70 Kenor, Kuala Krai, Kelantan	RM8,798,000	Pembinaan 2.0%
6	Menaiktaraf Jalan Cherang Ruku Pasir Puteh Ke Tok Saboh Besut, Pasir Puteh, Kelantan.	RM22,843,000	Pembinaan 43.0%
7	Membina Jalan Dan Jambatan Dari Kg. Bertam Baru Ke Bertam Lama, Gua Musang, Kelantan.	RM29,203,000	Pembinaan 0.60%
8	Menaiktaraf Jalan Morak - Kebakat - Cabang (4) Tok Mek Ngah, Tumpat, Kelantan.(Fasa 2)	RM29,904,337	Siap 08.06.2017
9	Baiki Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu, Km 10- Km 21	RM66,076,213	Pembinaan 86.0%
10	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Meninggi Aras Jalan Di Seksyen Km326.70 Jalan Persekutuan Ft008, Jalan Kuala Krai Ke Kota Bharu, Kelantan	RM34,336,012.	Siap 22.04.2018
11	Jalan Pasir Mas Bypass Fasa II	RM113,096,445	Pembinaan 68.0%
12	Pembinaan Persimpangan Bertingkat (Elevated T-Junction) Di Atas Lintasan Keretapi Di Pekan Tanah Merah, Kelantan	RM 152,746,000	Pembinaan 40.4%
13	Membina Flyover Dari Arah Kota Bharu Merentangi Bulatan Wakaf Bharu Ke Pengkalan Kubor, Kelantan.	RM 105,470,000	Pembinaan 0.73%

## PROJEK NEGERI

1	Cadangan Menaiktaraf Jalan Pasir Hor, Kubang Kerian ke Pasir Jelatang, Pasir Tumboh, Kota Bharu, Kelantan.	RM 19,664,908	Pembinaan 50.0%
2	Jambatan Pangkal Kalong (Tali air Kada) di Jalan Kok Lanas – Kemubu	RM 2,745,400	Siap 16.02.2017
3	Cadangan Pembinaan Jambatan Di Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan.	RM3,632,514	Siap 16.02.2017
4	Kerja-kerja baik pulih jambatan sediada Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan.	RM1,166,000	Siap 21.11.2017
5	Menaiktaraf jalan Perol-Peringat Fasa 1 (SK Perol).	RM474,842	Siap 06.09.2016
6	Menaiktaraf jalan Perol-Peringat Fasa 2.	RM475,065	Siap 06.09.2016
7	Kerja-kerja menaiktaraf jalan di Jalan Kbg. Kiat, jalan Peng. Piah (D122) Jajahan Kota Bharu, Kelantan.	RM272,025	Siap 12.11.2016
8	Kerja membekal & memasang box culvert 600mmx600mm serta kerja berkaitan di hadapan Masjid Darul Ulum, Kg. Pintu geng, Kota Bharu, Kelantan.	RM91,120	Siap 15.11.2016
9	Kerja-kerja menaiktaraf jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Banggol Setol - Banggol Kong, Jajahan Pasir Mas. (Fasa III)	RM442,000	Siap 11.09.2017
10	Memperelok Selekok Kok Seraya, Laluan D23, Jalan Chabang Tiga Berangan-Chabang Empat Tok Mek Ngah, Tumpat	RM500,000	Siap 13.11.2017
11	Kerja-kerja melebar bahu jalan di KM6.8 hingga KM7.6 serta kerja-kerja berkaitan denganannya di Jalan Kemuning - Sg. Merkam (D210), Machang, Kelantan	RM300,000	Siap 11.09.2017
12	Naiktaraf Jalan, pelebaran jalan dan kerja-kerja berkaitan di Jalan Tawang / Pulau Belanga.	RM399,997	Siap 12.08.2017
13	Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Di Jalan Kem 302 Ke Kg Bt. Melintang Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jajahan Jeli, Kelantan	RM458,980	Siap 11.06.2017
14	Kerja-kerja menaiktaraf bahu jalan di laluan D29 KM47 Jalan Gua Musang - Jelawang, Gua Musang, Kelantan	RM314,237	Siap 04.10.2017
15	Kerja Naiktaraf Simpang 3 Kg. Banggol Telipot ke Padang Pak Mat serta kerja berkaitan di laluan D159, Pasir Puteh.	RM324,821	Siap 11.10.2017
16	Membina Dan Menyiapkan Kerja-Kerja Melebar Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Dengannya Jalan Simpang Tiga Sg. Pahi (Ke Kg. Melalui Smpg. Tiga Chuchuh Puteri).	RM300,000	Siap 29.10.2017
17	Kerja-kerja membaiki kerosakan permukaan jalan di Jalan Kbg. Kiat, jalan Peng. Piah (D122) Jajahan Kota Bharu, Kelantan.	RM272,025	Siap 12.11.2016
18	Kerja-kerja menaiktaraf jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Kubang Kuau - Baroh Kala, Pasir Mas. (Fasa II)	RM365,678	Siap 21.10.2016
19	Kerja-kerja menaiktaraf jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Banggol Setol - Banggol Kong, Jajahan Pasir Mas. (Fasa II)	RM274,109	Siap 06.11.2016

	<b>PROJEK JALAN &amp; JAMBATAN</b>	<b>KOS PROJEK</b>	<b>STATUS PROJEK</b>
20	Kerja-kerja menaiktaraf jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Banggol Setol - Banggol Kong, Jajahan Pasir Mas. (Fasa II)	RM321,650	Siap 12.12.2016
21	Kerja-kerja menaiktaraf jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Paloh - Bujuk, Jajahan Pasir Mas. (Fasa II)	RM171,837	Siap 26.09.2016
22	Kerja-kerja menaiktaraf jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Paloh - Bujuk, Jajahan Pasir Mas. (Fasa II)	RM182,509	Siap 26.09.2016
23	Kerja-kerja menaiktaraf jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Paloh - Bujuk (D189), Jajahan Pasir Mas, Kelantan.	RM180,650	Siap 22.12.2016
24	Kerja-kerja menaiktaraf jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Bukit Tuku - Batu - Hampar di KM 6.9 (D169), Jajahan Pasir Mas, Kelantan.	RM175,866	Siap 12.12.2016
25	Kerja-kerja menaiktaraf bahu jalan serta kerja-kerja berkaitan di laluan D21, Jalan Wakaf Bharu - Tumpat, Kelantan	RM453,861	Siap 12.08.2016
26	Kerja-kerja menaiktaraf bahu jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Chabang Empat - Meranti (Jal Besar)	RM463,240	Siap 04.12.2016
27	Kerja-kerja menaiktaraf bahu jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Kok Keli - Kok Pasir	RM261,829	Siap 13.11.2016
28	Kerja-kerja Melebar Bahu Jalan Di Km5.0 - Km6.0 Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Jalan Labok - Banggol Judah (D214) Machang	RM170,000	Siap 14.08.2016
29	Kerja-kerja Melebar Bahu Jalan Di Km6.0 - Km7.0 Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Jalan Labok - Banggol Judah (D214) Machang	RM165,500	Siap 21.08.2016
30	Kerja-kerja Melebar Bahu Jalan Di Km7.0 - Km8.0 Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Jalan Labok - Banggol Judah (D214) Machang	RM164,500	Siap 21.08.2016
31	Kerja-kerja Melebar Bahu Jalan Di Km8.7 - Km10.07 Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Laluan D17, Jalan Machang -Pangkal Meleret - Wakaf Bata - Kg. Cina, Machang	RM500,000	Siap 28.08.2016
32	Kerja-kerja pembinaan Longkang U Pembentong Kekotak dan kerja-kerja berkaitan dengannya di hadapan Pertubuhan Peladang Bachok	RM299,950	Siap 26.10.2016
33	Kerja-kerja naiktaraf jalan dan pelebaran bahu jalan di Jalan Tawang/ Pulau Belanga, Bachok	RM398,559	Siap 28.11.2016
34	Kerja-kerja menaiktaraf jalan di jalan D9 Pauh Sembilan serta kerja-kerja berkaitan, jajahan Bachok, Kelantan	RM186,999	Siap 27.11.2016

Jadual 2 : Projek-projek Jalan dan Jambatan Negeri Kelantan Yang Sedang Dalam Pembinaan

PROJEK JALAN & JAMBATAN	KOS PROJEK	STATUS PROJEK	TARIKH MASUK TAPAK	TARIKH SIAP
<b>PROJEK PERSEKUTUAN</b>				
1 CENTRAL SPINE ROAD - Membina Jalan Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan Pakej 1B : Pasir Hor Ke Kadok, Kota Bharu	RM 217,491,647	Pembinaan 95.0%	7 April 2014	21 Ogos 2018
2 Projek Membina Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan Pakej 2A: Kadok ke Ketereh	RM 136,612,922	Pembinaan 60.0%	22 April 2015	20 Nov 2018
3 Membina Lebuhraya Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan Pakej 2B:Ketereh Ke Kok Lanas	RM 200,029,701	Pembinaan 2.9%	15 Nov 2017	10 Nov 2020
4 Projek Membina Jambatan Merentasi Sg. Kemasin di Kg. Pengkalan Ali, Bachok, Kelantan	RM8,976,909	Pembinaan 32.0%	15 Ogos 2017	14 Jan 2019
5 Menggantikan Jambatan FT008/340/70 Kenor, Kuala Krai, Kelantan	RM8,798,000	Pembinaan 2.0%	16 Jan 2018	15 Jan 2020
6 Menaiktaraf Jalan Cherang Ruku Pasir Puteh Ke Tok Saboh Besut, Pasir Puteh, Kelantan.	RM22,843,000	Pembinaan 43.0%	1 Okt 2017	30 Sep 2019
7 Membina Jalan Dan Jambatan Dari Kg. Bertam Baru Ke Bertam Lama, Gua Musang, Kelantan.	RM29,203,000	Pembinaan 0.60%	21 Mar 2018	21 Jan 2020
8 Baiki Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu, Km 10-Km 21	RM66,076,213	Pembinaan 86.0%	10 Feb 2015	1 Ogos 2018
9 Jalan Pasir Mas Bypass Fasa II	RM113,096,445	Pembinaan 68.0%	19 Jan 2015	28 Dis 2018
10 Pembinaan Persimpangan Bertingkat (Elevated T-Junction) Di Atas Lintasan Keretapi Di Pekan Tanah Merah, Kelantan	RM 152,746,000	Pembinaan 40.4%	20 Ogos 2016	19 Ogos 2019
11 Membina Flyover Dari Arah Kota Bharu Merentangi Bulatan Wakaf Bharu Ke Pengkalan Kubor, Kelantan.	RM 105,470,000	Pembinaan 0.73%	19 Feb 2018	18 Ogos 2021





PROJEK JALAN & JAMBATAN	KOS PROJEK	STATUS PROJEK	TARIKH MASUK TAPAK	TARIKH SIAP
<b>PROJEK NEGERI</b>				
1 Cadangan Menaiktaraf Jalan Pasir Hor, Kubang Kerian ke Pasir Jelatang, Pasir Tumboh, Kota Bharu, Kelantan.	RM 19,664,908	Pembinaan 50.0%	15 Feb 2017	11 Dis 2018
2 Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Banggol Setol-Banggol Kong, Jajahan Pasir Mas.	RM 300,000	Proses sebut harga	-	-
3 Membina Jambatan konkrit Tambahan Menghubungkan Kg. Jelatok ke Jambatan sediada.	RM 371,449	Proses sebut harga	-	-
4 Menaiktaraf bahu jalan serta kerja-kerja yang berkaitan laluan Chabang 3 Berangan-Chabang 4 Tok Mek Ngah-Meranti (D23), Tumpat.	RM 300,000	Proses sebut harga	-	-
5 Kerja-kerja membekal dan memasang pembetung serta kerja-kerja berkaitan di Jalan Pasir-Bukit Gedombak (D13), Pasir Puteh.	RM 200,000	Proses sebut harga	-	-
6 Menaiktaraf longkang Jalan Bandar Lama, Gua Musang.	RM 250,000	Proses sebut harga	-	-
7 Kerja-kerja melebar bahu Jalan serta kerja berkaitan dengannya di km 10.17- km12.0, Laluan D17, Jalan Machang-Pangkal Meleret-Wakaf Bata-Kg. Cina, Machang.	RM 250,000	Proses sebut harga	-	-
8 Kerja-kerja melebar jalan serta kerja-kerja berkaitan dengannya di Jalan Jelawang / Gua Musang (dari Jelawang ke sempadan Jajahan Kuala Krai / Gua Musang)	RM 300,000	Proses sebut harga	-	-
9 Kerja-kerja menaiktaraf jalan Negeri (Pembaikan Bahu Jalan) Jalan Kual Long-Kg. Sg. Rual, D207 serta kerja-kerja yang berkaitan di Jajahan Jeli, Kelantan.	RM 300,000	Proses sebut harga	-	-

Jadual 3 : Projek-projek Jalan Dan Jambatan Negeri Kelantan Yang Sedang Dalam Pembinaan

PROJEK JALAN & JAMBATAN		KOS PROJEK SEMASA
<b>PROJEK PERSEKUTUAN</b>		
1	Projek Membina Jambatan Merentasi Sg. Kemasin di Kg. Pengkalan Ali, Bachok, Kelantan	RM8,976,909
2	Menggantikan Jambatan FT008/340/70 Kenor, Kuala Krai, Kelantan	RM8,798,000
3	CENTRAL SPINE ROAD - Membina Jalan Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan Pakej 1B : Pasir Hor Ke Kadok, Kota Bharu	RM 217,491,647
4	Projek Membina Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan Pakej 2A: Kadok ke Ketereh	RM 136,612,922
5	Membina Lebuhraya Kota Bharu Ke Kuala Krai, Kelantan Pakej 2b:Ketereh Ke Kok Lanas	RM 200,029,701
6	Projek Membina Jambatan Merentasi Sg. Kemasin di Kg. Pengkalan Ali, Bachok, Kelantan	RM8,976,909
7	Menggantikan Jambatan FT008/340/70 Kenor, Kuala Krai, Kelantan	RM8,798,000
8	Menaiktaraf Jalan Cherang Ruku Pasir Puteh Ke Tok Saboh Besut, Pasir Puteh, Kelantan.	RM22,843,000
9	Membina Jalan Dan Jambatan Dari Kg. Bertam Baru Ke Bertam Lama, Gua Musang, Kelantan.	RM29,203,000
10	Baiki Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu, Km 10- Km 21	RM66,076,213
11	Jalan Pasir Mas Bypass Fasa II	RM113,096,445.
12	Pembinaan Persimpangan Bertingkat (Elevated T-Junction) Di Atas Lintasan Keretapi Di Pekan Tanah Merah, Kelantan	RM 152,746,000
13	Membina Flyover Dari Arah Kota Bharu Merentangi Bulatan Wakaf Bharu Ke Pengkalan Kubor, Kelantan.	RM 105,470,000
<b>PROJEK NEGERI</b>		
1	Cadangan Menaiktaraf Jalan Pasir Hor, Kubang Kerian ke Pasir Jelatang, Pasir Tumboh, Kota Bharu, Kelantan.	RM 19,664,908

# PROJEK-PROJEK RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMKe-11)

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), (2016-2020) merupakan fasa akhir rancangan pembangunan lima tahun ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020 yang telah menggariskan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dalam semua aspek iaitu ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya menjelang tahun 2020. Pelan yang bertemakan "Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat" ini mengandungi enam teras strategik (Rajah 25) dan enam pemacu perubahan yang akan melaksanakan usaha untuk merealisasikan matlamat Malaysia menjadi negara maju dan inklusif selaras dengan Wawasan 2020.



## TERAS STRATEGIK #1

## TERAS STRATEGIK #2

## TERAS STRATEGIK #3

Memperkuuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama



Meningkatkan kesejahteraan rakyat



Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju



Di bawah RMKe-11, Kerajaan masih mengekalkan pendekatan perancangan berdasarkan "outcome" yang telah mula dilaksana dalam RMKe-10 bagi memastikan nilai untuk wang dalam setiap perancangan, belanjawan dan pemantauan projek. Tumpuan kepada "outcome" ini pastinya akan menggalakkan lagi kreativiti dan inovasi ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan.

Bagi mengukuhkan pencapaian hasil ini, Kerajaan Negeri telah merancang projek-projek pembangunan yang berimpak tinggi, kos yang rendah dan dapat dilaksanakan dengan cepat (Jadual 4) sebagaimana yang digariskan oleh Kerajaan.

#### TERAS STRATEGIK #4

Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan & daya tahan



#### TERAS STRATEGIK #5

Memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi



#### TERAS STRATEGIK #6

Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran



Rajah 25: Teras Strategik RMKe-11

**PROJEK DIBAWAH PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

- 1 Menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu (Pembesaran Terminal Dan Landasan)
- 2 Rancangan Tebatan Banjir (Lembangan Sungai Kelantan & Lembangan Sungai Golok)
- 3 Bekalan Air Bersih (Pembangunan Sumber Air Baru)
- 4 Lebuhraya/ Jalan Raya
  - i. Lebuhraya Pantai Timur (LPT3 Kg. Gemuroh, Kuala Terengganu-Pengkalan Kubor, Tumpat)
  - ii. Central Spine Road (Kuala Krai-Mentara, Pahang)
  - iii. Pelebaran Jalanraya Timur Barat, Jeli-gerik
  - iv. Pelebaran Dan Menaiktaraf Jalanraya Dari Melor Ke Pasir Puteh
  - v. Penyuraian Aliran Tra k Di Laluan-laluan Utama
  - vi. Jalan Pesisiran Pantai Kelantan
  - vii. Jalan Pasir Mas Bypass
  - viii. Jalan Tanah Merah Bypass
  - ix. Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan Lama Lojing-Kg. Raja
  - x. Pelebaran Jalan Persekutuan 4 Lorong Sepanjang 19km Dari Rantau
  - xi. Panjang Ke Pasir Mas
- 5 Jambatan Palekbang, Tumpat-kg. Cina, Kota Bharu (ECER)
- 6 Jambatan Pengkalan Kubor-Takbai (IMT-GT)
- 7 Jambatan Kedua Rantau Panjang-sungai Golok
- 8 Pembinaan Jambatan Dan Jejambat Di Atas Rel Wakaf Bharu, Tumpat
- 9 Pelancongan
  - i. Pembangunan Taman Konservasi Raf esia Di Tanah Tinggi Lojing
  - ii. Pembangunan Projek Pelancongan
- 10 Rumah Mampu Milik (5,000 unit)
- 11 Pelabuhan Tok Bali
- 12 Pembangunan Infrastruktur Kawasan-kawasan Industri
- 13 Pembinaan Stadium Mini Dan Pusat Perdagangan Konvensyen Gua Musang
- 14 Pembinaan Hospital Besar Bachok
- 15 Projek Penempatan Semula Mangsa Banjir Di Jajahan Kuala Krai
- 16 Pembangunan Kawasan Baru Industri Pasir Puteh
- 17 Pusat Perdagangan Konvensyen Machang
- 18 Projek Mencegah Banjir Di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) Kota Bharu
- 19 Pemulihan Pantai Di Pantai Mek Mas Dan Pantai Kundor

## **PROJEK DIBAWAH PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI**

- 1 Projek Kawalan Hakisan Pantai Di Pantai Melawi, Bachok
- 2 Projek Kawalan Hakisan Pantai Di Pantai Geting, Tumpat
- 3 Projek Kawalan Hakisan Pantai Di Tok Bali, Pasir Puteh
- 4 Jambatan Pangkal Kalong (Tali Air Kada) Di Jalan Kok Lanas – Kemubu, Kota Bharu (Menaiktaraf Jambatan Satu Hala Kepada Dua Hala)
- 5 Naiktaraf Jalan Pasir Hor, Kubang Kerian Ke Pasir Jelatang, Pasir Hor (Naiktaraf Jalan)
- 6 Pembinaan Jambatan Pulau Melaka, Kota Bharu (Baiki Struktur Jalan)
- 7 Naiktaraf Jalan Perol/Peringat (D114) (Baiki Struktur Jalan)
- 8 Jalan Chabang Tiga Berangan – Chabang Empat(Kerja Membaiki Selekok)
- 9 Jalan Chabang Empat– Meranti (Kerja Membaiki Selekok)
- 10 Kerja-Kerja Pemasangan ‘Spiral HDPE Pile’ Untuk Pembentong Jenis RCP di Laluan D29 Km47.9, Jln Gua Musang– Jelawang, Gua Musang (Kerja Pembentongan Di Jalan G.Musang – Jelawang, Gua Musang)
- 11 Pembinaan Jalan Bendang Nyior – Bukit Mas (Naiktaraf Jalan)
- 12 Jalan Dari Simpang Tiga Sg. Pahi Ke Simpang Tiga Peria (Menaiktaraf Simpang)
- 13 Projek Melebar Bahu Jalan Labok - Banggol Judah Sepanjang 4km (Melebar Jalan)
- 14 Projek Melebar Jalan Machang-Wakaf Bata-Kg.Cina Sepanjang 5km (Melebar Jalan)
- 15 Lain-Lain Projek Kecil Jalan Negeri
- 16 Projek Sekolah Yayasan Islam Kelantan
- 17 Masjid Keputeraan

# Subsektor Perumahan

Perkembangan subsektor perumahan mempengaruhi prestasi ekonomi sektor pembinaan secara langsung di Negeri Kelantan. Daripada statistik yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), jumlah unit kediaman baru dilancarkan di negeri Kelantan bagi tahun 2017 adalah sebanyak 1,444 unit berbanding 833 unit pada tahun 2016. Statistik Stok Sedia Unit Kediaman Negeri-Negeri di Malaysia bagi tahun 2016 adalah sebanyak 65,403 unit manakala pada tahun 2017 adalah sebanyak 78,752 unit.

Indeks Harga Rumah Malaysia pada 2017 meningkat sebanyak 6.5% (190.1 mata) berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2016 sebanyak 7.0% (179.5 mata). Walau bagaimanapun, berasaskan suku tahun sebelumnya, Indeks Harga Rumah Malaysia mencatatkan peningkatan 3.8 mata pada suku tahun ketiga 2017 (suku tahun kedua 2017: 186.3 mata).

Jadual 5 : Statistik Stok Sedia Unit Kediaman Negeri-Negeri di Malaysia Bagi Tahun 2016 dan Tahun 2017

NEGERI	2016	2017
WP KL	424434	464290
WP Putrajaya	7729	10849
WP Labuan	11740	11816
Selangor	1389220	1494222
Johor	731633	788584
Pulau Pinang	407107	497396
Perak	437236	467434
Negeri Sembilan	246769	263043
Melaka	172359	185260
Kedah	287847	321596
Pahang	243419	266703
Terengganu	94810	97840
Kelantan	<b>65403</b>	<b>78752</b>
Perlis	24726	25101
Sabah	172494	208714
Sarawak	228214	246893
Malaysia	<b>4945140</b>	<b>5428493</b>

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Jadual 6 : Indeks Harga Semua Rumah Mengikut Negeri

Negeri	2016		2017	
	Indeks Harga Semua Rumah	Perubahan Indeks Harga Semua Rumah (% Dalam Tempoh 12 Bulan)	Indeks Harga Semua Rumah	Perubahan Indeks Harga Semua Rumah (% Dalam Tempoh 12 Bulan)
<b>Malaysia</b>	<b>179.5</b>	<b>7.0</b>	<b>190.1</b>	<b>6.5</b>
Kuala Lumpur	188.7	7.6	201.7	7.2
Selangor	182.3	8.8	193.6	6.7
Johor	196.0	8.4	210.2	5.9
Pulau Pinang	182.9	3.2	192.3	4.6
Negeri Sembilan	167.5	7.7	175.6	6.0
Perak	167.5	7.3	172.6	2.9
Melaka	147.6	8.8	152.8	6.9
Kedah	150.7	6.1	156.5	4.6
Pahang	168.9	3.3	174.9	3.1
Terengganu	171.1	6.1	171.9	2.3
<b>Kelantan</b>	<b>137.5</b>	<b>-0.2</b>	<b>144.9</b>	<b>3.9</b>
Perlis	150.7	-0.1	156.1	3.3
Sabah	158.4	2.3	168.7	5.6
Sarawak	159.9	3.8	167.1	4.6

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

Pada 2017, Indeks Harga Semua Rumah Malaysia berada pada 190.1 mata manakala pada tahun sebelumnya 179.5 mata. Secara keseluruhan bagi negeri, pertumbuhan tahunan adalah di antara 2.3 peratus dan 7.2 peratus di mana peningkatan ketara direkodkan di Kuala Lumpur (7.2 peratus), Melaka (6.9 peratus), Selangor (6.0 peratus) dan Negeri Sembilan (6.0 peratus). Berbanding pada 2016, semua negeri menunjukkan peningkatan antara 1.1 peratus dan 9.1 peratus kecuali Sabah (-0.2 peratus).

# Jenis kediaman

“

Kerajaan Negeri Kelantan memberikan penekanan yang serius dalam menyediakan kemudahan perumahan kepada golongan kurang berkemampuan di kawasan bandar dan luar bandar. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Kelantan telah memperkenalkan Program Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) bagi tujuan menyedia dan menawarkan jenis-jenis rumah yang mampu dimiliki, mencukupi, berkualiti, berdayahuni serta berlandaskan ciri-ciri Islam demi keselesaan dan kesejahteraan rakyat. Program RMMK ini dilaksanakan melalui dua agensi utama Kerajaan Negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

Pada tahun 2017, harga purata untuk semua rumah di Malaysia mencecah RM410,050 berbanding tahun 2016 iaitu RM387,258.

Pada tahun 2016, Kuala Lumpur mencatatkan harga tertinggi pada RM749,305 dan Selangor menduduki tempat kedua iaitu RM442,007. Harga terendah dicatatkan di Kelantan pada RM157,346.

Pada tahun 2017, harga purata tertinggi dicatatkan di Kuala Lumpur pada RM800,893 diikuti oleh Selangor (RM469,410), Sabah (RM432,655), Pulau Pinang (RM431,225) dan Sarawak (RM426,243). Negeri lain pula mencatatkan harga yang lebih rendah daripada harga purata nasional dengan Kelantan merekodkan harga terendah pada RM165,853.

Jadual 7 : Harga Semua Rumah Mengikut Negeri

Negeri	2016	2017
	Harga Semua Rumah (RM)	Harga Semua Rumah (RM)
<b>Malaysia</b>	387,258	410,050
Kuala Lumpur	749,305	800,893
Selangor	442,007	469,410
Johor	305,904	328,036
Pulau Pinang	410,058	431,225
N. Sembilan	224,826	235,739
Perak	191,775	197,634
Melaka	162,819	168,478
Kedah	195,880	203,365
Pahang	222,943	230,926
Terengganu	269,677	270,897
<b>Kelantan</b>	157,346	165,853
Perlis	164,510	170,459
Sabah	406,241	432,655
Sarawak	407,912	426,243

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)

RMMK terbahagi kepada tiga jenis iaitu rumah kos rendah, rumah sederhana rendah dan rumah sederhana. Dalam menyediakan perumahan mampu milik yang mencukupi kepada rakyat, faktor utama yang perlu diambil kira ialah 'availability of land' yang berpotensi, strategik dan mempunyai kos minimum untuk dibangunkan. Oleh itu, tiga kaedah pelaksanaan telah dikenal pasti iaitu :


1. Pembangunan di atas tanah Kerajaan yang dimajukan sama ada melalui PKINK/ PMBK atau secara usaha sama dengan swasta.
2. Pembangunan di atas tanah milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi Kerajaan (PKINK dan PMBK) yang dimajukan secara sendiri atau usaha sama dengan swasta.
3. Pembangunan di atas tanah milik persendirian/swasta.

Berdasarkan data daripada Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, bermula 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 888 unit rumah telah siap dibina, 1,832 unit dalam pembinaan dan 2,002 unit dalam perancangan dan menjadikan jumlah RMMK bagi negeri Kelantan ialah 4,722 unit.

Jadual 8: Status Pelaksanaan Rumah Mampu Milik Negeri Kelantan 2013 - 2017

STATUS	BIL. PROJEK	BIL UNIT
<b>RUMAH KOS RENDAH</b>		
Siap Dibina	2	165
Dalam Pembinaan	5	820
Dalam Perancangan	2	416
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>1,401</b>
<b>RUMAH KOS SEDERHANA RENDAH</b>		
Siap Dibina	0	0
Dalam Pembinaan	3	304
Dalam Perancangan	4	95
<b>JUMLAH</b>	<b>7</b>	<b>399</b>
<b>RUMAH KOS SEDERHANA</b>		
Siap Dibina	4	723
Dalam Pembinaan	4	708
Dalam Perancangan	7	1,491
<b>JUMLAH</b>	<b>15</b>	<b>2,922</b>

Sumber: Bahagian Perumahan, Pejabat SUK Kelantan




# D

## SEKTOR PERKHIDMATAN

Laporan ekonomi yang dikeluarkan suku tahun keempat 2017, telah merekodkan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 5.9 peratus berbanding 6.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK mencatatkan pertumbuhan 0.9 peratus (ST3 2017: 1.8 peratus).

Sektor Perkhidmatan merupakan peneraju utama menyumbang kepada KDNK suku tahun keempat 2017. (Rujuk Carta 8)



Carta 8 : Sumbangan Peratusan kepada KDNK Malaysia




Sektor Perkhidmatan ini melibatkan aktiviti ekonomi seperti perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan, utiliti, kewangan & insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan, maklumat & komunikasi, pengangkutan & penyimpanan, perkhidmatan kerajaan serta perkhidmatan lain. Sumbangan sektor perkhidmatan mengikut subsektor 2017 adalah seperti Carta 9.

Sumbangan aktiviti ekonomi seperti Perdagangan Borong & Runcit (54 peratus) dan makanan & minuman dan penginapan (23 peratus) menunjukkan bahawa subsektor ini memainkan peranan yang cukup penting dalam mengembangkan ekonomi makro secara langsung atau tidak langsung.

Sumbangan aktiviti ekonomi seperti Perdagangan Borong & Runcit dan Perkhidmatan Kerajaan menunjukkan bahawa subsektor ini memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan ekonomi

Carta 9 : Sektor Perkhidmatan Mengikut Subsektor 2017



# Subsektor Pelancongan

Sektor perkhidmatan telah berkembang dengan didorong sebahagian besarnya oleh aktiviti-aktiviti pelancongan yang mendatangkan hasil langsung kepada kerajaan serta pemain-pemain industri pelancongan. Berdasarkan maklumat pelancongan negeri, pada tahun 2017 jumlah pelancong yang berkunjung ke negeri Kelantan adalah seramai 5,321,957 pelancong yang terdiri daripada 4,501,991 pelancong tempatan dan 819,966 pelancong antarabangsa. Jumlah pelancong pada tahun 2017 adalah menurun sebanyak 8.27% (480,036 pelancong) berbanding tahun sebelumnya. (Rujuk Jadual 9 dan Jadual 10).

Perkembangan subsektor pelancongan adalah disokong oleh semua sektor utama. Prestasi subsektor pelancongan dapat dilihat melalui peningkatan di bawah sektor perkhidmatan dalam negeri melalui sumbangan subsektor pemborongan dan peruncitan, makanan dan minuman serta penginapan. Subsektor pelancongan juga berkembang dengan perkembangan jajaran jalan-jalan perhubungan sama ada darat, air atau udara serta penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur terbaik. Selain itu, langkah-langkah mempromosikan pelancongan dalam negeri dan luar negara, menggiatkan aktiviti kebudayaan dan menonjolkan identiti atau "niche" Kelantan melalui aktiviti perdagangan dan makanannya yang tersendiri merupakan penjana kepada perkembangan subsektor pelancongan.



Jadual 9 : Jumlah Pelancong Tempatan pada Tahun 2016 dan 2017

	2016	2017
Januari	346333	378533
Februari	339457	369333
Mac	336446	308819
April	343224	302078
Mei	383835	303378
Jun	356219	390818
Julai	447566	311875
Ogos	313552	326877
September	426564	393487
Oktober	432475	386720
November	347784	509230
Disember	359465	520843
	<b>4432920</b>	<b>4501991</b>





**Industri Pelancongan di negeri Kelantan berpotensi sebagai penjana ekonomi sekiranya usaha-usaha memajukan dan membangunkan industri pelancongan diberi penekanan yang sewajarnya.**

Tahun 2016 telah dijadikan Tahun Melawat Kelantan dan jumlah pelancong yang telah berkunjung ke Negeri Kelantan lebih tinggi berbanding tahun 2017 iaitu seramai 5,801,993 orang. Ini telah menunjukkan bahawa program-program yang telah diadakan sebelum ini dapat menarik pelancong untuk melawat Kelantan adalah berkesan melalui peranan yang dimainkan oleh Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC).

Antara aktiviti yang telah menyumbang kepada industri pelancongan di negeri Kelantan adalah seperti Program Inap Desa. Terdapat lapan (8) buah Rumah Tumpangan yang telah mendapat perhatian 152 keluarga untuk menginap di rumah berkenaan. Pemilihan rumah untuk dijadikan Rumah Tumpangan ini perlu mengikut kriteria dan syarat oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. Pendedahan keunikan budaya dan tradisi tempatan dapat menarik perhatian pelancong terutama pelancong dari luar Negara. Industri Pelancongan di negeri Kelantan berpotensi sebagai penjana ekonomi sekiranya usaha-usaha memajukan dan membangunkan industri pelancongan diberi penekanan yang sewajarnya.

Isu-isu seperti kebersihan persekitaran, sistem pengangkutan dan kemudahan infrastruktur merupakan faktor terpenting dalam menyumbang kepada jumlah pelancong yang datang ke negeri Kelantan.

Jadual 10 : Jumlah Pelancong Antarabangsa Tahun 2016 & 2017

	<b>2016</b>	<b>2017</b>
Januari	122086	116402
Februari	115074	113351
Mac	120530	68057
April	121922	65966
Mei	126756	66546
Jun	115948	70675
Julai	121338	68597
Ogos	114709	55477
September	106779	48663
Oktober	80005	51728
November	113789	62068
Disember	110146	32436
	<b>1369082</b>	<b>819966</b>

# Subsektor Elektrik

Negeri Kelantan pada masa kini mendapat manfaat daripada sistem bekalan elektrik yang kukuh dan stabil. Seperti yang kita sedia maklum TNB merupakan syarikat utiliti elektrik terbesar di Malaysia dan menyediakan perkhidmatan kepada lebih 9.2 juta pelanggan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Labuan. Bagi negeri Kelantan, pengguna TNB di negeri ini didapati bertambah sebanyak 8.87% pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 melibatkan kategori pengguna domestik, komersial, industri, lampu dan pertanian.

Bagi mewujudkan industri bekalan elektrik yang mampan dan mampu menampung permintaan bekalan elektrik yang sentiasa meningkat di negeri Kelantan, sistem penghantaran dan rangkaian pengagihan elektrik sentiasa diperkuuh dan diperluas. TNB sedang membina dan merancang projek-projek pembinaan Pencawang Masuk Utama (PMU) dan Pencawang Pembahagian Utama (PPU) di Negeri Kelantan seperti berikut:



Domestik  
2016 : 379,969  
2017 : 417,966



Industri  
2016 : 395  
2017 : 403



Komersial  
2016 : 76,527  
2017 : 78,058



Lampu Jalan  
2016 : 2,506  
2017 : 3,759



Pertanian  
2016 : 14  
2017 : 14

Rajah 26 : Statistik Pengguna TNB Negeri Kelantan Tahun 2016 – 2017



## Projek Dalam Pembinaan

Jadual 11 : Projek-Projek PMU Dalam Pembinaan

PROJEK		KETERANGAN
1	PMU tunjung, 2x45 mva	Bekalan elektrik ke bandar baru tunjung & sekitarnya.
2	PMU Panchor – tambahan alat ubah 90 mva	Pengukuhan bekalan elektrik ke kawasan perindustrian Pengkalan Chepa.
3	Peningkatan keupayaan alat ubah PMU tanah merah dari 3x30 mva ke 2x90 mva	Pengukuhan bekalan elektrik daerah Tanah Merah & Machang.
4	Tambahan alat ubah 45 mva PMU Jeli	Pengukuhan bekalan elektrik daerah jeli.

Jadual 12 : Projek-Projek PPU Dalam Pembinaan

PROJEK		KETERANGAN
1	PPU Pasir Mas Halal Park (ECER)	Memberi bekalan elektrik ke kawasan industri ringan Pasir Mas Halal Park.
2	PPU Tok Bali Fisheries Park	Memperkuuh sistem bekalan elektrik Pelabuhan Tok Bali & sekitar.
3	PPU Bandar Kuala Krai	Memberi bekalan elektrik ke hospital baru Kuala Krai & memperkuuh sistem bekalan elektrik bandar Kuala Krai.
4	Mini PPU Geting	Memperkuuh sistem bekalan elektrik kawasan Pengkalan Kubur.



## Projek Dalam Perancangan

Jadual 13 : Projek-Projek PMU Dalam Perancangan

PROJEK		KETERANGAN
1	PMU Lembah Sireh, 2x90 mva	Bekalan elektrik ke pembangunan Lembah Sireh & Bandar Kota Bharu.
2	PMU Tumpat	Pengukuhan bekalan elektrik daerah Tumpat.
3	PMU Machang	Pengukuhan bekalan elektrik ke Machang.
4	PMU Ketereh	Pengukuhan bekalan elektrik kawasan majlis daerah Ketereh.
5	PMU Tok Bali	Bekalan elektrik ke rancangan kawasan khas (RKK) Tok Bali.
6	PMU Lojing	Bekalan elektrik pembangunan Tanah Tinggi Lojing.

Jadual 14 : Projek-Projek PPU Dalam Perancangan

PROJEK		KETERANGAN
1	PPU Bandar Tanah Merah	Memberi bekalan elektrik ke kawasan industri ringan Pasir Mas Halal Park.
2	PPU UITM Machang	Memperkuuh sistem bekalan elektrik pelabuhan Tok Bali & sekitar.
3	Mini PPU Pantai Cahaya Bulan	Memberi bekalan elektrik ke hospital baru Kuala Krai & memperkuuh sistem bekalan elektrik bandar Kuala Krai.
4	Mini PPU Jelawang	Memperkuuh sistem bekalan elektrik kawasan Pengkalan Kubur.
5	Mini PPU Pulai Chondong	Memperkuuh sistem bekalan elektrik kawasan kuari Pulai Chondong, Pekan Pengkalan Chepa & sekitarnya.
6	Mini PPU Aring 4	Memperkuuh sistem bekalan elektrik

# 04

Pelaburan  
+ Tenaga  
Buruh



## PELABURAN + TENAGA BURUH

### Prestasi Pelaburan Negeri 2016

Pada tahun 2015 sehingga 2016, bidang yang menjadi pilihan pelabur di negeri Kelantan adalah di dalam bidang pembangunan bercampur dan mini hidroelektrik. Sepanjang tahun 2015 hingga 2016, Kerajaan Negeri telah menerima dan meluluskan sebanyak 11 permohonan projek pembangunan bercampur yang melibatkan kos pelaburan sebanyak RM 4.15 bilion dan 3 permohonan projek hidroelektrik yang melibatkan kos pelaburan sebanyak RM 2 bilion.

Peningkatan jumlah pelaburan pada tahun 2015 dan 2016 adalah di dalam bidang pembangunan bercampur dengan jumlah melebihi 75% daripada keseluruhan projek pelaburan yang diluluskan. Jadual 15 menunjukkan senarai projek pelaburan yang telah diluluskan oleh pihak Berkuasa Negeri Kelantan di sepanjang tempoh 2015 sehingga 2016.



## Prospek Pelaburan Negeri 2017

Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri Kelantan telah merangka Pelan Strategik Negeri Kelantan (2016-2025) untuk menggariskan hala tuju dan perancangan negeri yang lebih jelas menjelang tahun 2025. Antara matlamat yang disasarkan bagi sektor pelaburan negeri adalah untuk menaiktaraf kawasan-kawasan industri sedia ada dan mengenal pasti kawasan-kawasan lain yang berpotensi untuk dimajukan sebagai taman industri di negeri Kelantan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan Cadangan Pembangunan Kawasan Perindustrian di Mukim Gong Kulim dan Mukim Semerak di Daerah Pasir Puteh, Kelantan seluas 1000 ekar kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan 200 ekar adalah diserahkan kepada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER-DC) untuk dimajukan sebagai Taman Perindustrian Tok Bali.


Selain itu, Pelan Strategik Negeri Kelantan (2016-2025) juga menggariskan matlamat Kerajaan Negeri untuk membangunkan Tok Bali, Pasir Puteh sebagai Pelabuhan Bersepadu Negeri serta Pusat Perdagangan Maritim di Negeri Kelantan. Sehubungan itu, bagi tahun 2017, fokus Kerajaan Negeri adalah kepada projek-projek jaringan pengangkutan awam dan infrastruktur lebuhraya serta aktiviti-aktiviti berkaitan bagi menyokong perancangan pembangunan di Tok Bali, Pasir Puteh.

Jadual 15 : Projek Pelaburan Yang Telah Diluluskan Pada Tahun 2015 Dan 2016

	NAMA SYARIKAT	KATEGORI PROJEK	NILAI PELABURAN (RM)
<b>TAHUN KELULUSAN: 2015</b>			
1	Jupistar Engineering Sdn Bhd	Hidroelektrik	69,500,000
2	Majlis Daerah Tumpat Usahasama Pk Terminal & Logistics (M) Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur	363,000,000
3	Sungai Balah Hydro Power (M) Sdn Bhd	Hidroelektrik	30,160,000
4	Perbadanan Bandar Baru Tunjong Usahasama Setia Hartamas Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur	56,000,000
5	Majlis Daerah Tanah Merah Usahasama K.D Howa Seng Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur	5,000,000
6	Majlis Daerah Kuala Krai Usahasama Bbgm Development Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur	46,000,000
7	Timah Langat Holdings Sdn Bhd	Hidroelektrik	1,900,000,000
8	PMBK Development Sdn Bhd Usahasama Linear City Properties Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur	1,740,000,000
9	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam Usahasama Auei Teras Holdings Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur	1,647,346,353
10	Majlis Daerah Bachok Usahasama Hasrat Gemilang Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur	22,161,318.
11	Majlis Daerah Machang Usahasama Induk Setia Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur	68,863,000
<b>TAHUN KELULUSAN: 2016</b>			
12	Majlis Daerah Pasir Puteh Usahasama Tok Bali Resources Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur	111,000,000
13	Majlis Daerah Bachok Usahasama Induk Setia (Bachok) Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur	92,585,235
14	Majlis Daerah Bachok Usahasama Teraselana Sdn Bhd	Pembangunan Bercampur	3,500,000

# Pasaran Buruh + Guna Tenaga


Carta 10: Bilangan Penduduk Bekerja Mengikut Sektor Pekerjaan Di Kelantan.




Jumlah bilangan penduduk bekerja mengikut sektor di negeri Kelantan pada tahun 2014 dan 2016 adalah seperti Carta 10. Penempatan kerja menunjukkan peningkatan dari tahun 2014 hingga ke tahun 2016 mengikut beberapa sektor pekerjaan di negeri Kelantan. Pada tahun 2014 seramai 616,700 orang terlibat dalam pelbagai jenis pekerjaan dan berlaku peningkatan sebanyak 2.6 peratus pada 2016 menjadikan jumlah keseluruhan kepada 632,900 orang. Peningkatan bilangan penduduk bekerja seramai 16,200 orang dari tahun 2014.

Sektor Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan dan Perikanan menunjukkan penurunan sebanyak 29,000 orang dari tahun 2014 hingga 2016. Manakala peningkatan pekerja dalam sektor Perkhidmatan dan Jualan paling ketara iaitu seramai 11,400 orang. Majoriti pekerja di Kelantan pada tahun 2016 bekerja di dalam sektor Perkhidmatan dan Jualan iaitu sebanyak 193,700 orang (31 peratus). Pekerjaan di dalam sektor Pengurus mempunyai bilangan pekerja yang paling sedikit iaitu 12,800 orang (2 peratus).






Carta 11 menunjukkan perangkaan utama tenaga buruh di Kelantan pada tahun 2016. Kadar penyertaan tenaga buruh telah menurun pada tahun 2016 menjadi 59.1 peratus berbanding dengan tahun 2014 ialah sebanyak 59.3 peratus. Manakala penyertaan penduduk dalam pasaran buruh dari tahun 2014 hingga 2016 meningkat iaitu dari 637,700 orang kepada 657,800 orang. Selain itu, kadar pengangguran juga meningkat sebanyak 1.0 peratus iaitu dari 2.8 peratus pada tahun 2014 kepada 3.8 peratus pada tahun 2016.



Carta 11: Perangkaan Utama Tenaga Buruh di Kelantan


Carta 12 di bawah menunjukkan bilangan tenaga buruh mengikut pencapaian pendidikan di Kelantan. Bilangan tenaga buruh mengikut pencapaian pendidikan di negeri Kelantan menunjukkan peningkatan sebanyak 11,600 orang. Jumlah peningkatan paling tinggi ialah dari tahap pendidikan tertiary iaitu sebanyak 20,400 orang. Selain itu, tahap pendidikan rendah menurun sebanyak 20,800 orang dari tahun 2014 hingga 2016. Menunjukkan bahawa tahap pendidikan mereka yang menceburii bidang tenaga buruh semakin baik dengan pengurangan sebanyak 10 peratus bilangan mereka yang mempunyai tahap pendidikan di peringkat sekolah rendah. Bilangan tenaga buruh yang paling tinggi ialah dari tahap pendidikan menengah iaitu seramai 755,300 orang (58%). Manakala bilangan tenaga buruh yang tidak mempunyai pendidikan rasmi mencatatkan bilangan yang paling sedikit iaitu 61,600 orang (5%).

Carta 12: Bilangan Tenaga Buruh Mengikut Pencapaian Pendidikan di Kelantan



Berdasarkan maklumat strata kependudukan, peningkatan tenaga buruh di bandar amat ketara pada tahun 2014 hingga ke tahun 2015 iaitu seramai 20,800 orang. Peningkatan yang sedikit sahaja bagi tahun 2016 iaitu seramai 2,700 orang sahaja dari tahun sebelumnya. Trend ini berbeza dengan jumlah tenaga buruh di luar bandar di mana berlaku penurunan yang ketara jumlah tenaga buruh pada tahun 2016 berbanding dengan tahun 2015 iaitu perbezaan seramai 21,000. Kadar pengangguran yang hampir sama diantara penduduk di bandar dengan penduduk di luar bandar iaitu perbezaan sebanyak 0.300 orang. Carta 13 menunjukkan pola tenaga buruh di negeri Kelantan mengikut strata dari tahun 2013 hingga 2016.

Carta 13: Bilangan Tenaga Buruh Mengikut Strata



# Rujukan

1. Keluaran Dalam Negara Kasar 2015 -2016, Oleh Jabatan Perangkaan Malaysia
2. Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah, Oleh Jabatan Perangkaan Malaysia
3. Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas, Oleh Jabatan Perangkaan Malaysia
4. Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri Dan Daerah Pentadbiran, Oleh Jabatan Perangkaan Malaysia
5. Banci Ekonomi 2016, Oleh Jabatan Perangkaan Malaysia
6. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
7. Unit Perancang Ekonomi, Negeri Kelantan
8. Jabatan Perangkaan Malaysia
9. Bajet Negeri Kelantan Darul Naim 2015, Oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan, 2015
10. Bajet Negeri Kelantan Darul Naim 2016, Oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan, 2016
11. Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)
12. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan
13. Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan
14. Jabatan Air Negeri Kelantan
15. Jabatan Pertanian Negeri Kelantan
16. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan
17. Malaysia Investment Development Authority (MIDA), Kelantan
18. Air Kelantan Sdn. Bhd (AKSB)





NEGERI KELANTAN  
KELANTAN MELANGKAH  
DARULNAIM KE HADAPAN

LAPORAN  
EKONOMI  
NEGERI  
KELANTAN  
DARULNAIM

2  
0  
1  
6  
-  
2  
0  
1  
7

NEGERI  
KELANTAN  
DARULNAIM  
KELANTAN  
MELANGKAH  
KE HADAPAN